



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato’/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 04 April 2023 (Rabu) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<p>'Bunyi Misteri Daripada Beg Plastik Di Pagar Masjid Rupanya Bayi'</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/04/108589/8/bunyi-misteri-daripada-beg-plastik-di-pagar-masjid-rupanya-bayi</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/04/04/bavi-perempuan-dalam-plastik-ditemui-di-tepi-pagar-masjid/</p> <p>https://www.utusan.com.my/berita/2023/04/hampir-lari-dengar-tangisan-bayi-di-tepi-pagar-masjid/</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/252919/berita/s-emas/terkejut-jumpa-bayi-depan-masjid</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Kosmo</p> <p>Utusan</p> <p>Sinar Harian</p>	Neutral

	https://wartaoriental.com/2023/04/04/hampir-lari-dengar-tangisan-bayi-di-tepi-pagar-masjid/	Warta Oriental	
2	Kanak-Kanak Terperangkap Dalam Kereta Diselamatkan https://www.edisi9.com.my/2023/04/kanak-kanak-terperangkap-dalam-kereta-diselamatkan/	Edisi 9	Neutral
3	Ibu Rayu Bantuan Anak Sindrom Down https://suaramerdeka.com.my/ibu-rayu-bantuan-anak-sindrom-down/	Suara Merdeka	Neutral
4	Budak Maut Jatuh Bangunan Balik Kelas Mengaji https://www.sinarharian.com.my/article/253018/berita/s-emas/budak-maut-jatuh-bangunan-balik-kelas-mengaji	Sinar Harian	Neutral
5	Latih Guru, Murid Kenal Pasti Pengantunan Kanak-Kanak, Kata Syerleena https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/temapatan/2023/04/04/latih-guru-murid-kenalpasti-pengantunan-kanak-kanak-kata-syerleena/	FMT	Neutral
6	Guru Wanita Rugi RM91,400 Angkara `Phone Scam' https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/04/1086035/guru-wanita-rugi-rm91400-angkara-phone-scam	Berita Harian	Neutral
7	Guru Wanita Rugi RM78,000 Terpedaya Tawaran Kerja Sambilan Dalam Talian https://selangorkini.my/2023/04/guru-wanita-rugi-rm78000-terpedaya-tawaran-kerja-sambilan-dalam-talian/	Selangor Kini	Neutral
8	Hidup Kian Terhimpit Selepas Kudung https://www.kosmo.com.my/2023/04/05/hidup-kian-terhimpit-selepas-kudung/?utm_source=rss&utm_medium=rss&utm_campaign=hidup-kian-terhimpit-selepas-kudung	Kosmo	Neutral

9	Keseronokan Lelaki Intai Isteri Jiran Di Kampung Seronok Berakhir https://www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2023/04/1085988/keseronokan-lelaki-intai-isteri-jiran-di-kampung-seronok-berakhir https://www.buletintv3.my/jenayah/padah-intai-isteri-jiran-sedang-mandi-lelaki-ditahan/?utm_source=BUTV3&utm_medium=terkini	Berita Harian Buletin TV3	Neutral
10	OKU Buta Mata Namun Celik Hati https://www.sinarharian.com.my/article/253013/berita/nasional/oku-buta-mata-namun-celik-hati	Sinar Harian	Neutral
11	Anak Sindrom Down Berpeluang Jadi Model Sari https://www.kosmo.com.my/2023/04/05/anak-sindrom-down-berpeluang-jadi-model-sari/	Kosmo	Neutral
12	Pelajar Terlantar, Tak Sempat Habiskan SPM https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/pelajar-terlantar-tak-sempat-habiskan-spm/	Utusan	Neutral
13	Kepala Nur Sarah Natasya Membesar Akibat Hydrocephalus https://malaysiagazette.com/2023/04/04/kepala-nur-sarah-natasya-membesar-akibat-hydrocephalus/	Malaysia Gazette	Neutral

'BUNYI MISTERI DARIPADA BEG PLASTIK DI PAGAR MASJID RUPANYA BAYI'

<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/04/1085898/bunyi-misteri-daripada-beg-plastik-di-pagar-masjid-rupanya-bayi>

Sumber : Berita Harian

PASIR GUDANG: "Kami pada awalnya lari menjauhkan diri selepas terdengar bunyi misteri daripada beg plastik di hadapan masjid dan tidak menjangka ia sebenarnya bayi perempuan yang ditinggalkan," kata seorang remaja lelaki, Mohd Iqram Haqem Abdullah, 14.

Mohd Iqram berkata, kejadian berlaku pada waktu subuh kira-kira jam 4 pagi Sabtu lalu ketika dia bersama tiga rakan sekolah yang juga jirannya dalam perjalanan pulang ke rumah selepas bersahur di sebuah restoran berhampiran.

Menurutnya, mereka yang mahu singgah di masjid untuk ke tandas terkejut mendengar bunyi misteri di tepi pagar Masjid An-Nur Taman Cendana serta bertindak menahan sebuah van kilang bagi mendapatkan bantuan.

Katanya, lelaki yang memandu van kilang berkenaan yang berhenti lalu memeriksa beg berkenaan mendapati seorang bayi perempuan berbalut tuala berwarna kuning.

"Kami bertambah panik kerana ia merupakan kali pertama berdepan situasi seumpama itu, pemandu van berkenaan bertindak menghubungi talian kecemasan sebelum menyerahkan bayi kepada seorang petugas di masjid.

"Kami bersyukur kerana tidak meninggalkan bayi itu walaupun ada awalnya bimbang mendengar bunyi misteri itu.

"Selepas pulang ke rumah kami berkongsi pengalaman berkenaan bersama ahli keluarga dan mereka bertindak memuji tindakan kami menyelamatkan bayi berkenaan terutama pada bulan Ramadan ini," katanya ketika ditemui.



Seorang bayi perempuan ditinggalkan di tepi pagar Masjid An-Nur Taman Cendana, Pasir Gudang, Sabtu lalu. - NSTP/Mary Victoria Dass

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Cendana, Shamsul Bahrin Ibrahim berkata, kejadian itu berlaku kali pertama dalam sejarah kewujudan kawasan perumahan itu kira-kira 20 tahun.

Menurutnya, kemungkinan pelaku beranggapan kawasan berkenaan adalah tempat kunjungan kariah masjid yang mungkin dapat menyelamatkan bayi berkenaan.

"Bayi berkenaan bernasib baik kerana diselamatkan sekumpulan pelajar sekolah, jika ia terus berada di situ mungkin berlaku kejadian tidak diingini berikutan lokasi itu kawasan anjing liar berkeliaran.

"Kami berharap perbuatan seumpama itu adalah kali terakhir kerana ia boleh menimbulkan suatu budaya yang tidak sepatutnya menjadi ikutan dan dicontohi.

"Apa pun kami berharap pelaku berkenaan dikesan secepat mungkin dan diharap bayi berkenaan diberi kesihatan yang baik.

"Bayi berkenaan adalah istimewa, kami anggap sebagai anak angkat sukarelawan dan komuniti kawasan perumahan ini, kami juga tidak sabar bagi mengetahui perkembangannya serta mendoakannya," katanya ketika ditemui.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Seri Alam, Superitendan Mohd Sohaimi Ishak berkata, pihaknya mengesahkan menerima maklumat penemuan seorang bayi perempuan cukup sifat dan masih bernyawa di hadapan Masjid An Nur di Taman Cendana pada 5.20 pagi pada 1 April lalu.

"Bayi dibawa ke Hospital Sultan Ismail (HSI) untuk pemeriksaan dan rawatan lanjut.

"Keadaan bayi sihat dan normal serta kes disiasat mengikut Seksyen 317KK (buang bayi)," katanya ketika dihubungi.

Sementara itu, Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Johor Bahru, Adnan Md Yassin berkata, bayi berkenaan dipercayai berusia anggaran tiga hari ketika ditemui.

"Sehingga kini tiada waris bayi yang tampil menuntutnya.

"Perintah Jagaan Sementara di Mahkamah Bagi Kanak-Kanak Johor Bahru akan dipohon bagi membolehkan pelindung kanak-kanak menguruskan dokumen-dokumen berkaitan pengenalan diri kanak-kanak," katanya ketika dihubungi.

KANAK-KANAK TERPERANGKAP DALAM KERETA DISELAMATKAN

<https://www.edisi9.com.my/2023/04/kanak-kanak-terperangkap-dalam-kereta-diselamatkan/>

Sumber : Edisi 9

TINDAKAN pantas anggota bomba berjaya menyelamatkan kanak-kanak berusia empat tahun yang terperangkap selama 20 minit di dalam sebuah kereta di Jalan Cheras Lama, Kg Sungai Raya, ibu negara pagi tadi.

Menurut Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor Morni Mamat, pihaknya menerima panggilan kecemasan pada 7.38 pagi berhubung kejadian yang dipercayai akibat kunci automatik.

“Setibanya di lokasi, anggota bomba mendapati kanak-kanak itu terkunci dari dalam sebuah kereta jenis Perodua Myvi selama 20 minit.

“Susulan itu, anggota bertindak membuka kereta tersebut menggunakan peralatan khas sehingga berjaya,” katanya menerusi kenyataan hari ini.

IBU RAYU BANTUAN ANAK SINDROM DOWN

<https://suaramerdeka.com.my/ibu-rayu-bantuan-anak-sindrom-down/>

Sumber : Suara Merdeka



Ibarat sudah jatuh ditimpa tangga. Demikian nasib sebuah keluarga yang bukan sahaja kehilangan rumah dan kereta yang disita dan dilelong pihak bank.

Namun lebih malang nasib enam sekeluarga itu apabila anak bongsunya berusia tiga tahun sindrom down pula terpaksa pula menjalani pembedahan akibat masalah telinga di Hospital Melaka tidak lama lagi.

Ibu kanak-kanak itu Nur Umi Adilah Adlan, 30, berkata, Muhd. Khalis Amsyar Ikhwan anak bongsu daripada empat beradik hidup penuh derita kerana sejak berusia tiga bulan mengalami usus bengkak.

Menurutnya, anaknya itu kini menderita sakit telinga hingga memaksa doktor yang merawatnya mencadangkan satu pembedahan perlu dilakukan dalam tempoh terdekat.

“Keadaan hidup kami enam beranak dalam kekalutan tambah pula menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri tidak lama lagi.

BUDAK MAUT JATUH BANGUNAN BALIK KELAS MENGAJI

<https://www.sinarharian.com.my/article/253018/berita/semasa/budak-maut-jatuh-bangunan-balik-kelas-mengaji>

Sumber : Sinar Harian



KUALA LUMPUR - Dentuman kuat membawa kepada penemuan mayat seorang kanak-kanak lelaki berusia tujuh tahun, dipercayai terjatuh dari tingkat atas sebuah kondominium di Jalan Langkawi, Setapak, di sini, Selasa malam.

Insiden terbabit disedari penduduk setempat kira kira jam 7 malam.

Difahamkan, kanak-kanak warga Somalia itu baru selesai menghadiri kelas mengaji di Blok A kondominium berkenaan.

Namun, ibu mangsa berasa cemas apabila gagal menemui anaknya ketika hendak menjemputnya pulang ke rumah.

Hasil pencarian, ibu mangsa menemui anaknya dalam keadaan tidak sedarkan diri di atas jalan raya dekat Blok B.

Kedua-dua anak beranak itu dipercayai merupakan warga Somalia dan pemegang Kad UNHCR (Agensi Pelarian PBB) sejak 2017.

Difahamkan polis turut menemui beg sandang mengandungi al-Quran di tingkat 4 berhampiran tangga dekat Blok B.

Kenyataan media oleh Ketua Polis Kuala Lumpur akan dikeluarkan dalam waktu terdekat. – Awani

LATIH GURU, MURID KENAL PASTI PENGANTUNAN KANAK-KANAK, KATA SYERLEENA

<https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/04/04/latih-guru-murid-kenalpasti-pengantunan-kanak-kanak-kata-syerleena/>

Sumber : Free Malaysia Today



PETALING JAYA: Ahli Parlimen DAP Syerleena Abdul Rashid menggesa Kementerian Pendidikan melatih guru, kakitangan, dan murid untuk mengenal pasti tanda pengantunan kanak-kanak dan penderaan seksual bagi mengelak kes seorang fidofilia dari United Kingdom kembali berulang.

Orang ramai tidak boleh hanya bergantung kepada undang-undang semata-mata demi melindungi kanak-kanak, katanya merujuk pindaan Akta Kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017.

“Richard Huckle adalah seorang fidofilia yang mencabul kanak-kanak di Malaysia selama sembilan tahun.

“Dia menyamar sebagai guru Bahasa Inggeris, dan berselindung di sebalik imej yang baik dan dapat melepaskan diri selepas melakukan perbuatan keji terhadap kanak-kanak,” kata Ahli Parlimen Bukit Bendera itu kepada FMT.



Syerleena Abdul Rashid.

Katanya, Kementerian Pendidikan juga perlu melaksanakan proses saringan ketat, termasuk melakukan pemeriksaan latar belakang sebelum diserap menjadi guru.

Syerleena berkata, sukarelawan juga perlu melalui saringan sama sebelum bekerja dengan NGO.

“Kelakuan pelik dapat mengenal pasti bakal pesalah sebelum mereka ada peluang menyakiti kanak-kanak.”

Menyambut baik pindaan terbaru Akta Kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017, Syerleena berkata, menguatkan undang-undang dan penguatkuasaan terhadap penderaan seksual kanak-kanak boleh menjadi satu bentuk pencegahan.

Undang-undang lebih baik diperlukan untuk menangani masalah kesalahan seksual terhadap kanak-kanak yang kini menjadi masalah sangat serius, sambil menambah Malaysia dikenal pasti sebagai lokasi panas eksploitasi kanak-kanak dalam “dark web”.

Katanya, pada 2020, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia melaporkan 20,989 kes bahan penderaan seksual kanak-kanak dalam talian direkodkan di negara ini, meningkat lebih 200% berbanding tahun sebelumnya.

“Tetapi, kita perlu juga melihat bagaimana sekolah dan masyarakat boleh melindungi anak-anak kita dengan lebih baik.

“Ibu bapa, sekolah dan komuniti perlu proaktif menggalakkan mangsa melaporkan perbuatan penderaan oleh suspek.

“Mencegah kejadian ini memerlukan komitmen semua pihak – dari ibu bapa hingga sekolah, organisasi, komuniti, dan kerajaan,” katanya.

Minggu lalu, Dewan Rakyat meluluskan pindaan Akta Kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017 untuk melindungi kanak-kanak daripada jenayah itu dengan lebih berkesan.

Pindaan itu termasuk memperkenalkan peruntukan membenarkan kanak-kanak hadir ke mahkamah sebagai saksi, dan juga menaikkan umur saksi kanak-kanak dari 16 kepada 18 tahun.

Pindaan itu juga membenarkan pendakwaan bukan sahaja terhadap mereka yang melihat atau terlibat aktiviti seksual terhadap kanak-kanak dalam talian, malah melibatkan “orang tengah dan sindiket” yang menganjur dan mengedarkan kandungan seperti itu.

GURU WANITA RUGI RM91,400 ANGKARA `PHONE SCAM`

<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/04/1086035/guru-wanita-rugi-rm91400-angkara-phone-scam>

Sumber : Berita Harian



KUANTAN: Seorang guru wanita di Pahang kerugian RM91,400 selepas terpedaya sindiket 'Phone Scam' yang menyamar sebagai pegawai polis, timbalan pendakwa raya dan pegawai insurans.

Ketua Polis Pahang, Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf berkata, berdasarkan laporan mangsa berusia 51 tahun menerima panggilan telefon daripada agen insurans pada 24 Februari lalu.

Beliau berkata, mangsa dimaklumkan membuat tuntutan insurans di Ampang Puteri sebanyak RM68,000.

"Walaupun mangsa menafikannya, suspek menyambungkan panggilan kepada pegawai polis sebelum disambungkan pula kepada timbalan pendakwa raya.

"Mangsa yang terpedaya mengikut segala arahan untuk menukarkan kad bank baharu serta mengemas kini nombor kod pengesahan transaksi (TAC).

"Sebanyak RM91,400 itu daripada akaun Tabung Haji, pinjaman Aeon Kredit dan wang hasil memajak gadai barang kemasnya.

"Semua wang yang dimasukkan ke dalam akaun bank dikeluarkan oleh suspek dalam tempoh sebulan dari tarikh kemasukan wang terbabit.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan," katanya dalam kenyataan hari ini.

Dalam kes terbabit, Ramli menasihati orang ramai yang menerima panggilan yang meragukan untuk segera membuat semakan dengan pihak Polis atau agensi kerajaan berkenaan bagi mengelakkan daripada menjadi mangsa penipuan.

"Masyarakat juga diingatkan supaya membuat semakan nombor akaun dan nombor telefon yang diterima di pautan <https://semakmule.rmp.gov.my> terlebih dahulu sebelum membuat sebarang transaksi," katanya.

GURU WANITA RUGI RM78,000 TERPEDAYA TAWARAN KERJA SAMBILAN DALAM TALIAN

<https://selangorkini.my/2023/04/guru-wanita-rugi-rm78000-terpedaya-tawaran-kerja-sambilan-dalam-talian/>

Sumber : Selangor Kini



ALOR GAJAH, 4 APRIL: Seorang guru wanita mengalami kerugian RM78,000 selepas terpedaya dengan tawaran kerja sambilan secara dalam talian yang tidak wujud.

Ketua Polis Daerah Alor Gajah Superintenden Arshad Abu berkata guru teknologi maklumat dan komunikasi (IT) di syarikat swasta yang berusia 27 tahun itu menerima mesej menerusi aplikasi WhatsApp daripada seorang individu bernama 'Yasmin' pada 31 Mac lepas pada 5.57 petang ketika berada di rumahnya di sini.

“Suspek telah menawarkan kerja untuk pengadu membuat ulasan di tempat-tempat yang terdapat dalam Google Maps dan mangsa bersetuju serta menjalankan tugas sepertimana yang diarahkan.

“Semasa menjalankan tugasnya, guru terbabit diarahkan untuk membuat bayaran ke dalam akaun bank terlibat untuk tujuan membantu menambah keyakinan pelabur terhadap syarikat dan

mangsa membuat pembayaran atas dasar pelaburan kepada syarikat suspek,” menurutnya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata mangsa melakukan pindahan wang miliknya secara berperingkat pada 1 dan 2 April berjumlah RM78,000 ke dalam akaun yang diberikan.

Arshad berkata mangsa kemudian menyedari bahawa dirinya telah ditipu dan membuat laporan di Balai Polis Masjid Tanah semalam.

Beliau berkata bagaimanapun, selepas laporan polis dibuat, mangsa hanya menerima wang sebanyak RM46 dan dijanjikan akan dibayar lagi kemudian.

“Kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu dan pihak polis juga ingin mengingatkan orang ramai agar lebih berhati-hati serta tidak mudah percaya dengan tawaran sedemikian.

“Masyarakat juga diminta supaya segera menghubungi Pusat Respons Scam Kebangsaan di talian 997 untuk tindakan pantas menyekat wang yang diserahkan kepada sindiket penipuan,” katanya. – BERNAMA

HIDUP KIAN TERHIMPIT SELEPAS KUDUNG

https://www.kosmo.com.my/2023/04/05/hidup-kian-terhimpit-selepas-kudung/?utm_source=rss&utm_medium=rss&utm_campaign=hidup-kian-terhimpit-selepas-kudung

Sumber : Kosmo



SEBERANG PERAI – Hidup seorang ibu tunggal terumbang-ambing selepas kedua-dua belah kakinya terpaksa dipotong akibat kencing manis hingga menyukarkannya mencari nafkah bagi menyara dua anak dan bapa tirinya yang menghidap penyakit kronik.

Wanita orang kelainan upaya (OKU), Rozita Ahmad, 47, berkata, selain kakinya dipotong pada 2017, dia juga menghidap masalah jantung berlubang.

Namun katanya, dia nekad mencari rezeki dengan menjual kerepek yang diletakkan di kedai-kedai sekitar kawasan rumahnya sambil dibantu anak perempuan sulung yang berusia 13 tahun.

“Dalam keadaan mendapat RM300 sebulan sebagai jurujual bebas, saya perlu menjaga bapa tiri yang semakin uzur. Wang itu juga digunakan untuk menampung perbelanjaan seharian termasuk membayar bil elektrik dan air.

“Saya sering gusar apabila kekurangan wang untuk berulang-alik ke Hospital Pulau Pinang tiga kali seminggu untuk mendapatkan rawatan selain tiada wang untuk membeli lampin pakai buang,” katanya ketika ditemui di Kampung Contoh Bagan Ajam di sini.

Menurut Rozita, walaupun ada jiran dan teman-teman rapat membantu, namun dia tidak mahu bergantung kepada mereka yang turut mempunyai komitmen masing-masing.

Tambahnya, dia mendapat bantuan Zakat Pulau Pinang menerusi bapa tirinya, Yusof Omar, 76, sebanyak RM400 sebulan yang mempunyai masalah darah tinggi, saraf dan rabun kronik.

“Wang itu digunakan untuk membeli ubatan dan barangan keperluan sekolah anak termasuk yang bongsu berusia 10 tahun,” katanya yang baru kehilangan ibu pada tahun lalu.

Ujar Rozita, faktor kos sara hidup yang semakin meningkat membuatkan mereka terpaksa mencatu makanan kerana mahu berjimat.

“Kalau ada lauk, adalah rezeki kami anak-beranak. Kalau tiada, apa boleh buat,” katanya.

Orang ramai yang ingin menghulurkan sumbangan boleh berbuat demikian melalui akaun Maybank milik Rozita 157112126099 atau menghubunginya di talian 017-423 7338.

KESERONOKAN LELAKI INTAI ISTERI JIRAN DI KAMPUNG SERONOK BERAKHIR

<https://www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2023/04/1085988/keseronokan-lelaki-intai-isteri-jiran-di-kampung-seronok-berakhir>

Sumber : Berita Harian



BAYAN LEPAS: Kegiatan seorang lelaki yang dipercayai sering mengintai jirannya mandi dekat Kampung Seronok di sini, terbongkar selepas ditahan polis, pagi semalam.

Tindakan itu disedari mangsa pada jam 8 pagi selepas menerima video yang dirakam anak jirannya, menunjukkan suspek sedang mengintai dari bahagian belakang bilik mandi wanita berkenaan.

Berdasarkan video terbabit, suspek yang juga warga tempatan itu didakwa berdiri di atas kerusi bagi mengintai mangsa.

Mangsa yang terkejut dengan video yang diterima menerusi aplikasi WhatsApps itu kemudian memaklumkan kejadian terbabit kepada suaminya sebelum membuat laporan polis.

Sementara itu, menurut kenyataan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Barat Daya, suspek yang berusia 32 tahun itu ditahan sejurus pihak polis menerima laporan daripada mangsa.

"Hasil soal siasat mendapati suspek sudah beberapa kali mengintai mangsa sebelum ini.

"Suspek kini ditahan reman sehingga 6 April dan kes disiasat mengikut Seksyen 509 Kanun Keseksaan," katanya menerusi laman Facebook di sini, hari ini.

OKU BUTA MATA NAMUN CELIK HATI

<https://www.sinarharian.com.my/article/253013/berita/nasional/oku-buta-mata-namun-celik-hati>

Sumber : Sinar Harian



SHAH ALAM - Meskipun mempunyai kekurangan dari segi penglihatan, namun ia tidak menghalang 32 orang kurang upaya (OKU) untuk menyertai Majlis Khatam al-Quran 2.0 anjuran Sinar Islam Plus (SI).

Meneruskan tradisi sam-butan Nuzul Quran, program itu akan diadakan pada 7 April bermula jam 5 petang di Studio F Kumpulan Karangkrak di sini bertemakan 'Tinta Emas Mencipta Generasi Taqaddum'.

Berbeza dengan penganjurannya pada tahun lalu yang meraikan 15 peserta kanak-kanak, Khatam al-Quran 2.0 menampilkan 32 warga OKU penglihatan sebagai peserta.

Menurut Ketua Pemasaran dan Penjenamaan Sinar Karangkrak, Nik Justin Nik Mohd Ariffin, peserta yang dipilih adalah dalam kalangan ahli Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (Pertis) dan Yayasan Maghfirah.



Nik Justin

“Pemilihan peserta terdiri daripada warga OKU tanpa peringkat umur yang telah tamat membaca 30 juzuk al-Quran.

“Walaupun mereka dilahirkan cacat penglihatan, namun hati mereka sangat celik lantas berupaya membaca dan menghafaz al-Quran dengan sempurna.

“Ia adalah bentuk tauladan terbaik bagi kita yang normal untuk sama-sama menjadikan al-Quran sebagai pedoman kehidupan,” jelasnya.

Beliau berkata, pada program yang turut menerima sokongan daripada Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI Selangor) selaku rakan strategik itu, dua orang mualim yang bertauliah akan membimbing peserta ketika acara berlangsung.

Menurutnya, sebagai tanda penghargaan, setiap peserta akan diberikan sijil berserta senaskhah al-Quran dan beberapa hadiah iringan lain.



“Kami berharap agar majlis ini memberi inspirasi kepada Muslimin seluruhnya untuk menjadikan al-Quran dan tafsir al-Quran sebagai bahan bacaan utama serta sumber rujukan mereka.

“Semoga program ini berupaya menggalakkan umat Islam daripada segenap generasi mencintai warisan agung peninggalan Nabi Muhammad SAW, seterusnya dijadikan sebagai amalan rutin dan panduan kepada kehidupan kita,” katanya.

Majlis tersebut akan dipancarkan secara langsung melalui semua platform media sosial Sinar Harian termasuk Facebook Sinar Islam Plus, SinarPlus dan Sinar Bestari.

Sinar Islam Plus sentiasa berusaha memartabatkan keindahan agama suci ini menerusi apa juga platform media tidak kira medium cetak mahupun media sosial.

ANAK SINDROM DOWN BERPELUANG JADI MODEL SARI

<https://www.kosmo.com.my/2023/04/05/anak-sindrom-down-berpeluang-jadi-model-sari/>

Sumber : Kosmo



KUALA LUMPUR – Penganjuran majlis World Saree Day Malaysia (WSDM) telah berjaya mencapai objektifnya dengan mengutip dana untuk Persatuan Sindrom Down Malaysia (PSDM) tetapi juga dalam masa yang sama memberi peluang kepada golongan orang kurang upaya menyertai sebagai model memperagakan pelbagai koleksi sari dalam majlis tersebut.

Pengarah program tersebut, Bkay Nair yang juga Pengarah Bkay Nair Resources berkata, program amal itu telah mendapat kerjasama daripada Jabatan Keseniaan dan Kebudayaan Negara (JKKN), Kelab Bharat Kuala Lumpur dan Suruhanjaya Tinggi India.

Ia bertujuan untuk memberi kesedaran dan mendidik masyarakat khususnya tentang keunikan pakaian sari yang dikaitkan dengan beberapa destinasi terkenal di India serta menyalurkan sumbangan kepada PSDM bagi menampung perbelanjaan persatuan tersebut.

“Pada majlis tersebut, sebanyak 30 jenis sari yang berbeza dengan gaya lilitan dari 30 buah negeri di India bagi meningkatkan pengetahuan masyarakat tentang pakaian tradisional tersebut.

“Sari berbeza mengikut negeri kerana ia didatangkan dengan pelbagai material, reka bentuk, warna dan gaya sari yang dipakai. Pasti setiap koleksi sari itu memiliki fakta dan ceritanya sendiri untuk diketengahkan kepada masyarakat,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas majlis tersebut di sini baru-baru ini.

Dalam majlis berkenaan, pertunjukan fesyen sari tersebut telah dimeriahkan oleh 10 anak Sindrom Down menunjukkan bakat masing-masing sebagai model. -KOSMO!ONLINE

PELAJAR TERLANTAR, TAK SEMPAT HABISKAN SPM

<https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/pelajar-terlantar-tak-sempat-habiskan-spm/>

Sumber : Utusan



KOTA TINGGI: Luluh hati seorang ibu apabila anak yang menjadi harapan keluarga terlibat kemalangan ketika dalam perjalanan menduduki kertas terakhir Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), bulan lalu.

Suhaida Lim Tahir, 45, berkata, anaknya, Muhammad Azli Danial, 17, merupakan antara pelajar cemerlang yang menjadi harapan guru apabila tersenarai sebagai lima calon sasaran sekolah dalam peperiksaan itu.

Akibat kemalangan tersebut, anak kedua daripada empat beradik itu kini hanya terbaring selepas mengalami retak tulang belakang apabila motosikal ditunggang terlibat kemalangan dengan sebuah kereta.

“Ketika kejadian Muhammad Azli dalam perjalanan dari rumah kami di Petri Jaya menuju ke sekolah di Felda Linggiu untuk menduduki kertas terakhirnya, Matematik Tambahan. Susulan kemalangan itu, keadaannya agak kritikal kerana melibatkan tulang belakang menyebabkan sukar untuk bergerak.

“Selama 16 hari Muhammad Azli ditempatkan di wad, selepas doktor melakukan pembedahan implan tulang belakang barulah dia dibenarkan pulang minggu lepas. Melihat keadaannya sekarang yang sudah tidak seperti remaja lain memang luluh rasa hati dan bagaimana nanti untuk dia menyambung pelajaran mencapai cita-citanya yang mahu menjadi seorang pendidik,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini.

Sepanjang di wad, Suhaida dan anak sulung yang berusia 26 tahun silih berganti menjaga Muhammad Azli dan akibat kerap bercuti, anaknya yang bekerja kilang serta suaminya yang merupakan seorang juruteknik hampir dibuang kerja.

Selain perlu menguruskan anaknya itu, dia turut menjalankan tanggungjawab menjaga ibunya yang mempunyai sakit darah tinggi selain bapanya yang merupakan orang kurang upaya (OKU).

Orang ramai yang ingin membantu Muhammad Azli boleh menyalurkannya ke dalam akaun BSN Suhaida Lim bernombor 0199541100809537. – UTUSAN

KEPALA NUR SARAH NATASYA MEMBESAR AKIBAT HYDROCEPHALUS

<https://malysiagazette.com/2023/04/04/kepala-nur-sarah-natasya-membesar-akibat-hydrocephalus/>

Sumber : Malaysia Gazette



BAYAN LEPAS – Berat mata memandang, berat lagi bahu memikul, begitu gambaran kehidupan pasangan suami isteri lantaran menjaga anak istimewa mereka yang mengidap penyakit hydrocephalus.

Kanak-kanak malang itu, Nur Sarah Natasya Hamad yang berusia dua tahun, dikesan mengidap penyakit berkenaan sejak dalam kandungan.

Ibunya, Nor Sarlina Mohammad Ali, 33, berkata, penyakit hydrocephalus dialami menyebabkan pengumpulan cecair berada di bahagian otak yang menjadi punca pembesaran berkenaan.

Walaupun keadaan anaknya begitu, dia bersyukur Nur Sarah Natasya tidak menunjukkan gejala lain seperti sawan atau sukar menelan makanan seperti yang berlaku kepada kebanyakan pesakit berkenaan.



Nor Sarlina.

“Difahamkan air di kepalanya tidak boleh disedut keluar kerana tulang di bahagian atas tidak bersambung.

“Setakat ini, kami tidak pernah terlepas temujanji bersama doktor di Hospital Pulau Pinang (HPP) demi memastikan Nur Sarah Natasya berada dalam keadaan baik.

“Pada masa ini dia masih mampu makan dengan sendiri tanpa menggunakan tiub atau bergantung kepada susu khas,” katanya ketika ditemui di rumahnya di sini, hari ini.



Pasangan suami isteri jual air kelapa bagi menampung pendapatan keluarga.

Mengulas lanjut Nur Sarlina berkata, berikutan kepala anaknya yang membesar, dia sukar bergerak dan hanya diletak di dalam kereta sorong.

Katanya, dia dan suami, Hamad Subri, 35, terpaksa membawa Nur Sarah Natasya bersama setiap hari ketika berniaga air kelapa kerana tiada sesiapa yang menjaganya.

“Pernah berlaku di mana kepala Nur Sarah Natasya mengeluarkan darah selepas lama berada dalam kereta sorong dan kini kereta sorong itu sudah tidak muat susulan kepalanya yang semakin besar.

“Ibu sudah tua dan tidak mampu mengangkatnya, jadi saya dan suami terpaksa bawa Nur Sarah Natasya bersama biarpun cuaca berpanas atau hujan.

“Saya tinggal bersama empat lagi anak berusia lima hingga lapan tahun serta ibu dan kakak berstatus kurang upaya (OKU) di rumah ini,”katanya.

Menurut Nur Sarlina, sebelum ini, dia tidak pernah memohon bantuan daripada mana-mana institusi dan hanya bergantung kepada pendapatan mereka sebanyak RM1,500 bagi membeli keperluan.

“Wang hasil jimat cermat itu kami gunakan bagi membeli lampin pakai buang dan susu yang keseluruhannya mencecah RM300 sebulan.

“Saya bukan maksud meminta-minta, tetapi amat memerlukan kerusi roda khas bagi kegunaan Nur Sarah Natasya terutama yang boleh mengampu pada bahagian kepalanya,” katanya.

Orang ramai yang ingin sumbangkan bantuan boleh salurkan menerusi akaun bank Nor Sarlina Mohammad Ali [6920043603](#) (Public Bank).

Sebelum ini, keluarga terbabit menerima lawatan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz bersama Pengurus Pejabat Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) Georgetown Mohd Asri Mohd Rasid serta wakil Zakat Pulau Pinang dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri.

Difahamkan dalam pertemuan itu, Azrul Mahathir memaklumkan agensi terlibat akan melihat semula bantuan yang sesuai kepada waris dan Nur Sarah Natasha selain mempertimbangkan kerusi roda khas kepada kanak-kanak itu. – MalaysiaGazette